

Khidmat percuma cara karyawan berbakti



PRO BONO CETUS KESEDARAN: Encik Muhammad Ashiq Chu percaya sumbangan tenaganya semasa menjalani khidmat pro bono dengan Kebun Baru CC sejak lebih dua tahun lalu mencetuskan kesedaran beliau menyumbang kembali kemahirannya di bidang perakaunan kepada masyarakat. - Foto TUKIMAN WARJI

27 Apr 2015

DARWIS SAID

MENCEBURI khidmat sukarela sebagai antara syarat menjadi akauntan berkanun di sini boleh membantu karyawan itu merasai sendiri 'nadi' orang biasa terhadap tugas mereka.

Khidmat pro bono, yakni 'khidmat percuma', juga mampu menjadi saluran berkesan bagi menggalak sumbangan professional kepada masyarakat.

Itu pandangan akauntan bersekutu (Khidmat Kewangan Cukai) firma perakaunan berbilang negara, Pricewaterhouse Coopers (PwC) Singapore, Encik Muhammad Ashiq Chu.

Beliau, 25 tahun, ditemui selepas pelancaran Usaha Sukarelawan Berdasarkan Kemahirandan seminar tadbir urus oleh PwC, dengan kerjasama Suruhanjaya Perakaunan Singapura (SAC) dan Majlis Perkhidmatan Masyarakat Kebangsaan (NCSS) di ibu pejabat PwC baru-baru ini.

Tawaran khidmat pro bono kepada badan-badan sukarela (VWO) bagi sekurang-kurangnya 40 jam adalah sebahagi ansyarat yang ditetapkan SAC, sejak diperkenal pada 2013, atas semua karyawan perakaunan di sini.

Mereka perlu tawarkan khidmat itu sebelum secara rasmi diberi status Akauntan Berkanun, atau 'Chartered Accountant', di bawah Program Kelayakan Profesional Singapura kendalian SAC.

"Pada dasarnya, pro bono memang menjadi syarat memenuhi Program Kelayakan Profesional Singapura untuk mencapai taraf Akauntan Berkanun.

"Namun, tujuan saya melakukan khidmat itu adalah kerana saya rasa ia keperluan kukuh menyumbang kembali kepada masyarakat. Ini selain saya berpeluang timba pengalaman amali bagi memenuhi syarat kelulusan professional saya itu."

Encik Ashiq, yang berkhidmat dengan PwC sejak dua tahun lalu dan baru-baru ini dipilih sebagai pelajar cemerlang PwC dalam bidang pencukaian pada peperiksaan professional tahun lalu, pernah menawarkan khidmat pro bono kepada Kelab Masyarakat (CC) Kebun Baru.

Beliau naib pengerusi Kelab Belia CC tersebut setelah menganggotainya sejak 2011.

Antara lain, siswazah kelas pertama sarjana muda perakaunan Universiti Teknologi Nanyang itu bantu menganjurkan acara berkaitan pengurusan dan celik kewangan kepada remaja dan warga tua.

Encik Ashiq turut terlibat dalam forum pasca belanjawan bersama belia baru-baru ini, selain membantu menyelia penggunaan dana awam dalam jawatankuasa kewangan CC Kebun Baru.

"Jadi, ia (khidmat pro bono) memberi dorongan dalam penglibatan saya dengan belia, khususnya dalam bidang saya yang berkaitan dengan pemahaman kewangan asas, pengurusan bajet dan pemah aman terhadap pembentukan dasar di Singapura," ujarinya.

Pada masa senggangnya, Encik Ashiq antara anggota pasukan bot naga PwC; pernah mendaki Gunung Ranjani di Lombok, Indonesia; malah rancang mendaki Gunung Kinabalu di Sabah, Malaysia, tahun depan.

Ditanya apakah beliau sudi menyumbang kepakaran secara sukarela kepada badan Melayu/Islam pada masa depan, Encik Ashiq berkata, berdasarkan pada pengalamannya yang pernah menghadiri mesyuarat dengan Angkatan Karyawan Islam (AMP), beliau bersedia membantu.

Sambil memberi contoh peranan Pusat Penasihat Hutang (DAC) AMP, Encik Ashiq berkata ia antara saluran di mana beliau boleh berbakti.

"Saya mungkin memiliki set kemahiran dan hubungan tertentu yang boleh dimanfaatkan.

"Namun, saya juga ingin melihat jika mereka benar-benar memerlukan tenaga sukarelawan seperti ini, dan apakah nilai tambahan yang boleh saya sumbangkan kepada apa yang telah mereka miliki," tegas beliau.

Encik Ashiq turut menyertai Program Pemimpin Harapan. Program itu suatu usaha global PwC, yang memberi tumpuan kepada Kepel bagaian dan Rangkuman (D&I).

Peranan beliau termasuk menawarkan perspektif terhadap nilai budaya dan kepelbagaian geografi operasi global PwC.